

NUZUL AL-QURAN DALAM MENDEPANI KESATUAN UMMAH

Pendahuluan

Penurunan kitab Al-Quran kepada Nabi Muhamad SAW yang bermula pada tahun 610 Masihi telah mengambil masa kira-kira 23 tahun. Ia merupakan kitab suci Allah yang diturunkan kepada umat nabi Muhammad SAW sebagai petunjuk, memberi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan yang salah. Rasulullah SAW telah menjelaskan kepada umatnya keterangan-keterangan yang jelas nyata, memberi peringatan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan Allah kepada mereka supaya mereka memikirkannya dan mengambil pengajaran. Firman Allah Taala dalam surah al-Furqan ayat 30 :

﴿ وَقَالَ الرَّسُولُ يَا رَبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا ﴾

Berkatalah Rasul : Wahai Tuhanku, sesungguhnya kaumku menjadikan Al-Quran (sebagai perlembagaan) itu sesuatu yang tidak diacuhkan

Menurut Sheikh Prof. Dr. Wahbah az-Zuhaili di dalam kitabnya Tafsir Al-Wajiz, ayat ini memperlihatkan secara jelas sikap manusia saat al-Quran diturunkan kepada mereka yang berpaling dari pengajaran al-Quran, mengabaikan dan meninggalkannya, padahal yang menjadi kewajiban mereka adalah patuh kepada hukumnya dan menerima aturan-aturannya serta mengikutinya.

Ayat ini menzahirkan secara tuntas wujudnya pengaduan Rasulullah kepada Allah SWT tentang wujudnya pengabaian dan penyisihan manusia terhadap perlembangan dan peraturan yang ditetapkan dalam al-Quran. Oleh kerana pengabaian terhadap al-Quran mengakibatkan ketakutan yang memuncak baginda SAW terhadap sikap tidak acuh dan mengambil peduli saranan kitab suci tersebut. Termasuklah terhadap perkara yang seringkali diberi perhatian utama oleh al-Quran sama ada dalam konteks akidah, syariah dan akhlak.

Ayat ini juga menghuraikan kejelekan atau keburukan akhlak manusia yang bersikap tidak acuh atau tidak mempedulikan saranan dan panduan yang kemukakan

oleh al-Quran. Di antara perkara yang tidak dipedulikan oleh manusia pada khususnya pada zaman sekarang ini adalah kesatuan di kalangan ummat manusia.

Al-Quran Bersifat Sejagat Atau 'Alamiyah

Al-Quran adalah mukjizat terbesar yang kekal abadi dan bersifat sejagat atau 'alamiyah. Sebagai Muslim, sifat kesejagatan ini dapat mendorong kita untuk memahami dan meyakini Islam sebagai sebuah agama yang universal, tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang. Malah, Islam sesuai untuk semua manusia, setiap bangsa dan tidak terbatas pada masa-masa tertentu.

Perkara ini dapat dibuktikan pada peringkat penurunan al-Quran di Makkah, kitab suci ini diturunkan dengan satu huruf atau satu jenis bacaan Qiraat manakala pada peringkat penurunan al-Quran di Madinah, kitab ini diturunkan dengan pelbagai jenis Qiraat yang pelbagai bagi menyantuni keupayaan bacaan al-Quran dan kemajmukan masyarakat yang menetap di Madinah dan jazirah arab yang lain.

Semua manusia tanpa mengira bahasa, warna kulit dan bangsa mempunyai kedudukan yang sama di sisi Allah. Tidak ada satu bangsa yang lebih mulia ke atas bangsa lain kerana warna kulit atau bahasa semata-mata. Faktor tunggal yang membezakan seseorang dengan yang lain ialah tahap ketakwaan kepada Allah. Hal ini dinyatakan dalam al-Quran, surah Al-Hujurat ayat 13 :

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾ ﴾

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami (Allah) telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sungguh, semulia-mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa, (bukan kerana keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Konsep Kesatuan Ummah Menurut al-Quran

Allah menggunakan kalimah **أُمَّة** (ummah) sebanyak 51 kali di dalam al-Quran seperti jadual berikut :

BIL	NAMA SURAH	NO AYAT
1	Al-Baqarah	128, 134, 141, 143, 213, 221
2	Ali Imran	104, 110, 113
3	An-Nisa'	41
4	Al-Ma'idah	48, 66
5	Al-An'am	108
6	Al-A'raf	34, 38, 159, 164, 181
7	Yunus	19, 47, 49
8	Hud	8, 18
9	Yusuf	45
10	Ar-Ra'd	30
11	Al-Hijr	5
12	An-Nahl	36, 84, 89, 92, 93, 120
13	Al-Anbiya'	92
14	Al-Haj	34, 67
15	Al-Mukminun	43, 44, 52
16	An-Naml	83
17	Al-Qasas	23, 75
18	Fatir	24
19	Ghafir	5
20	As-Syura	8
21	Az-Zukhruf	23, 33
22	Al-Jathiyah	28

Antaranya firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 143 :

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا﴾

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.

Firman Allah lagi :

﴿كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ ۗ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٣﴾﴾

Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut ugama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama nabi-nabi itu kitab-kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan dan (sebenarnya) tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka Kitab-kitab Suci itu, iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, - mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. Maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang yang beriman ke arah kebenaran yang diperselisihkan oleh mereka (yang derhaka itu), dengan izinNya. Dan Allah sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus (menurut undang-undang peraturanNya).

Ayat ini menjelaskan umat manusia asalnya daripada satu ummah menganut agama yang satu iaitu mentauhidkan Allah. Setelah berlaku perselisihan maka manusia berpecah-belah antara satu sama lain.

Sikap Bertolak Ansur Umat Islam

Umat Islam telah dibentuk dan ditarbiyah dengan pimpinan wahyu Allah serta menyantuni rencam kehidupan bermasyarakat. Mereka berupaya melakar dan mencorak nilai bertolak ansur; dapat menerima serta menghormati pendapat dan kepercayaan orang lain. Mereka juga berusaha menegakkan tiang keadilan kepada orang lain dan menerima hak mereka dalam perbezaan kepercayaan agama mahupun ideologi politik.

Dengan sikap ini juga umat Islam dapat memahami perbezaan serta kepelbagaian agama, budaya dan sistem nilai yang wujud dalam masyarakat. Antaranya, memahami hak golongan majoriti dan minoriti, mempunyai sifat keterbukaan, kesederhanaan serta menjauhi sifat taasub atau radikal. Walaupun begitu perlu ditegaskan bahawa toleransi beragama bukanlah bermaksud melihat semua agama sama seperti didukung faham pluralisme agama yang mendakwa tiada mana-mana agama mempunyai sumber kebenaran eksklusif.

Nilai atau sikap bertolak ansur menurut pandangan Islam berdasarkan apa dimodelkan Nabi Muhammad SAW seperti nilai menyantuni ahli keluarga yang tidak memeluk agama Islam, layanan terhadap penduduk Makkah dan bekas musuh semasa mereka menyerah diri. Nabi SAW melarang orang Islam dari melakukan kezaliman kepada tahanan atau Muslim yang berdosa, bahkan baginda tidak bertindak keterlaluan atau keras dalam apa jua keadaan. Firman Allah Taala dalam surah al-Mumtahanah ayat 8 :

﴿لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ﴾

“Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang tidak memerangi kamu kerana agamamu dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang berlaku adil.” (Al-Mumtahanah: 8)

Perlembagaan Madinah merupakan bukti yang jelas bahawa Islam menggalakkan toleransi, kerjasama dan perpaduan antara Muslim, Kristian dan Yahudi.

la dikemukakan secara bertulis untuk menjamin kebebasan, termasuk beragama, persamaan dan keadilan untuk semua kaum serta agama. Sikap toleransi dapat dilihat apabila mengiktiraf hak golongan minoriti yang bukan sebangsa atau seagama mereka.

Anjuran Al-Quran Untuk Memperbaiki Hubungan Semasa Manusia

Al-Quran menggunakan kalimah *صَلَح* dalam yang bermaksud perbaiki. Sebanyak 180 kali kalimah ini digunakan yang memberi maksud amalan soleh; satu usaha memperbaiki keadaan sebelumnya kepada keadaan yang lebih baik, daripada buruk kepada baik, daripada kezaliman kepada keadilan dan seumpamanya. Contoh nyata umpamanya pada firman Allah Taala di dalam surah al-Hujurat ayat 9 dan ayat 10 :

﴿ وَإِنْ طَآئِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَت إِحْدَاهُمَا عَلَى الْآخَرَىٰ فَفْتَلُوا الَّتِي تَبَغَىٰ حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ فَإِنَّ فَاءَ تَ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾ ﴾

Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾ ﴾

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Kepelbagaian Adalah Sunnatullah Yang Harus Diterima Dengan Positif

Menurut Dato' Dr Siddiq Fadzil, kepelbagaian merupakan prinsip kerelaan menerima kehadiran orang lain dengan segala kelainannya, semangat toleransi demi matlamat hidup bersama, berdampingan secara damai dan harmoni.

Kepelbagaian merupakan fitrah, undang-undang dan aturan Ilahi yang tidak berubah serta tidak mungkin berubah. Namun, tidak bererti perpecahan kerana semua tetap terpadu dalam wadah kesatuan.

Kepelbagaian makhluk dalam bingkai kesatuan Pencipta, kepelbagaian bangsa dan suku dalam bingkai kesatuan kemanusiaan, kepelbagaian syariat dalam bingkai kesatuan agama, kepelbagaian hukum dan fatwa dalam bingkai kesatuan syariat, kepelbagaian mazhab dan parti dalam bingkai kesatuan umat.

Kemajmukan Dalam Kehidupan Manusia

Islam menerima kemajmukan dalam pelbagai ranah kehidupan manusia, agama, budaya, politik, perundangan dan lain-lainnya. Islam menerima, menghargai dan menghormati manusia dalam segala kepelbagaianya, bangsanya, bahasanya, agamanya dan budayanya. Berbeza agama bukan alasan untuk bermusuhan. Justeru, seluruh umat manusia yang berbeza agama itu tetap terangkai dalam warga besar kesatuan keinsanan.

Kemajmukan dalam Islam terbina atas kesedaran orang Muslim tidak dituntut untuk menentukan nasib orang bukan Muslim kerana tidak Islam. Itu adalah urusan Tuhan yang akan diputuskan nanti pada hari perhitungan. Yang dituntut daripada orang Islam adalah sikap istiqamah dengan agamanya sendiri, di samping memberikan layanan adil terhadap orang lain yang tidak seagama.

Dengan demikian orang Islam tidak mengalami sebarang dilema dalam melaksanakan keadilan dan melakukan kebaikan terhadap bukan Islam. Urusan kita adalah melaksanakan perintah Allah SWT memberikan keadilan, bersikap ramah dan berakhlak mulia terhadap semua termasuk yang bukan-Islam. Firman Allah Taala di dalam surah al-Ma'idah ayat 8 :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾﴾

"Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, lagi menjadi saksi dengan adil dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (Surah al-Ma'idah, ayat 8)

Ancaman Perpecahan Ummah

Di samping itu, al-Quran juga mencela dan mengutuk sebarang usaha atau tindakan berpecah-belah, persengketaan, permusuhan dan berbalah-balah antara ummah. Umpamanya firman Allah dalam surah Ali Imran 103 :

﴿وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا﴾

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.

Firman Allah dalam surah as-Syura ayat 13 :

﴿شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ﴾

Allah telah menerangkan kepada kamu - di antara perkara-perkara ugama yang Ia tetapkan hukumnya - apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah pendirian ugama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya".

Firman Allah lagi dalam surah al-Hujurat ayat 11 :

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾ ﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan SS Datuk Dr Zulkifli Mohammad al-Bakri pada 28 Disember 2018 melahirkan kebimbangan apabila internet trolling yang dilakukan pada masa kini bukan sekadar dalam bentuk mesej bertulis, tetapi adakalanya dilakonkan dalam bentuk klip video pendek dan gambar yang diubahsuai berserta dialog yang dicipta sendiri menggunakan aplikasi tertentu. Kebanyakannya didapati mengandungi unsur menghina, memperlekeh, menyindir, mengejek nama, tubuh badan dan perilaku, menghasut, menyebarkan pendustaan, membangkitkan permusuhan, menyemai kebencian dan menjatuhkan maruah individu yang menjadi mangsa troll.

Jika begini yang dimaksudkan dengan troll, maka ia jelas bertentangan dengan akhlak dan adab Islam. Bahkan amat jauh sekali daripada sifat seorang mukmin yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat. Rasulullah SAW bersabda:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

“Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya.”

Riwayat al-Tirmizi (1162)

Dalam konteks media sosial, interaksi seseorang menjadi sangat luas dan terbuka. Di dalamnya ada orang yang kita kenal dan ada yang tidak dikenali, begitu jua

sebaliknya. Di sini menuntut kita untuk berlaku jujur dan beradab dengan adab Islam yang tinggi. Ia sebagaimana sabda Baginda SAW :

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِي جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ صَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَسْكُتْ

“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah menyakiti jirannya, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan tetamunya, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka bercakaplah yang baik-baik atau ia diam.”
Riwayat al-Bukhari (75)

Seseorang tidak sepatutnya bersikap tidak bertanggungjawab dengan melontarkan apa sahaja yang mahu dikatakan atau dikongsikan tanpa berhati-hati. Mungkin ia menyangkakan itu remeh tetapi di sisi Allah SWT ia amat berat.

Kesimpulan

Sebagai umat yang bertamadun dan berbudaya, semua pihak seharusnya memiliki kepekaan tinggi terhadap nilai keadilan dan kesejagatan. Umat Islam khususnya harus dapat menghayati kehalusan bahasa al-Quran terutama dalam menyantuni setiap manusia dalam setiap keadaan, masa dan tempat.

Dalam setiap lapangan kehidupan umat Islam perlu memelihara lidah dan tangan daripada mengeluarkan kata-kata kesat, nista, tohmahan, keji, fitnah dan seumpamanya yang boleh mengeruhkan semangat kesatuan dan persaudaraan di kalangan umat manusia. Begitu juga kita ditegah daripada mencari-cari keburukan serta mendedahkan keaiban sesama kita demi meraih seteguk habuan dunia yang sementara. Ingatlah kita semua akan dipertanggungjawabkan dengan perbuatan dan perkataan kita di akhirat kelak.

Disediakan oleh,

Bahagian Maktabah,

Jabatan Mufti Negeri Perak

16 Ramadhan 1442H / 28 April 2021M